



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2006**

---

**PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP KHIDMAT POLIS  
BAGI PEGAWAI RENDAH POLIS**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan meluluskan kenaikan kadar Imbuhan Tetap Khidmat Polis (ITKP) bagi Pegawai Rendah Polis.

**KADAR BARU IMBUHAN TETAP KHIDMAT POLIS**

2. Kadar baru ITKP bagi Pegawai Rendah Polis adalah ditetapkan seperti berikut:

PANGKAT	KADAR SEBULAN (RM)	
	SEMASA	BARU
Ketua Inspektor/ Inspektor	115	160
Sub Inspektor/ Sarjan Mejar/ Sarjan/ Koperal/ Lans Koperal/ Konstabel	80	115

## **TARIKH KUAT KUASA**

3. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2007**.

## **PEMBATALAN**

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar ITKP bagi Pegawai Rendah Polis yang ditetapkan di perenggan 2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1990 adalah dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATUK AB. KHALIL BIN AB. HAMID)**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

25 September 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan